

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

**Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan mengapa bantuan bulanan bagi golongan OKU Tidak
Berupaya Bekerja (BTB) hanya RM200 sedangkan elaun saraan bagi
Elaun Pekerja Cacat (EPC) adalah sebanyak RM350 sedangkan mereka
ini dapat bekerja dan mempunyai gaji bulanan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil perhatian mengenai kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU).

Pemberian Elaun Pekerja Cacat (EPC) adalah sebagai insentif untuk menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif. Salah satu syarat untuk memohon EPC adalah pemohon adalah OKU yang bekerja dan berpendapatan di bawah RM1,200 sebulan. Manakala Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), bantuan ini adalah sebagai bantuan saraan kepada OKU yang tidak berupaya bekerja.

Kedua-dua skim ini adalah berbeza kerana EPC merupakan satu bentuk 'insentif' sementara BTB adalah merupakan 'bantuan sara hidup'. Dengan kata lain, BTB adalah berasaskan keperluan asas bagi seseorang OKU meneruskan kelangsungan hidup sedangkan EPC diberikan oleh

Kerajaan sebagai pendorong kepada OKU untuk terus bekerja dan hidup berdikari.